



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR**



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (06)  
Tarikh : 31 Mei 2021

**Ibu bapa / Penjaga  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN SENARAI JAWATANKUASA PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU  
SMK TIARA PERMAI KALI SESI 2021/2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Tiara Permai kali ke-3 telah diadakan secara dalam talian pada 24 April 2021.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, laporan MAT PIBG SMK Tiara Permai kali ke-3 telah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PIBG SMK Tiara Permai Bil.1/2021 yang dipengerusikan oleh Naib Yang Dipertua PIBG telah diadakan pada 29 Mei 2021.

...4. Bersama-sama ini dilampirkan senarai dan maklumat Ahli Jawatankuasa PIBG SMK Tiara Permai bagi sesi 2021/2022 seperti di Lampiran A dan maklum balas perkara berbangkit dalam MAT PIBG SMK Tiara Permai kali ke-3 untuk perhatian dan rujukan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR AMW)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PIBG SMK TIARA PERMAI BAGI SESI 2021/2022**

BIL.	NAMA	JAWATAN	NO. TELEFON BIMBIT	ALAMAT E-MEL
1.	Tuan Haji Azman bin Ab Kadir	Penasihat PIBG	010-6556196	azmanabk.19@gmail.com
2.	Encik Din bin Omar	Yang Dipertua	019-9871966	dinbinomar04@gmail.com
3.	Tuan Haji Mohd Jamalludin bin Kasbi	Naib Yang Dipertua	012-3070985	mohdjamalludin5463@gmail
4.	Cik Amira Eva Sherin binti Roslan	Setiausaha	012-6442768	evasherin92@gmail.com
5.	Cik Nur Shafika binti Shahul Hameed	Bendahari	017-5957925	shafikashahul@gmail.com
6.	Encik Mohamad Zahid bin Ahmad Amir	Ahli Jawatankuasa (Ibu Bapa)	012-2834424	capzgts@gmail.com
7.	Puan Zuhaidah binti Dato' Haji Zainal Abidin	Ahli Jawatankuasa (Ibu Bapa)	017-6209082	zuhaidazainalabidin@gmail.com
8.	Encik Muhammad Saiful Nizam bin Mat Jusoh	Ahli Jawatankuasa (Ibu Bapa)	012-6018426	matpaizal@gmail.com
9.	Tuan Haji Mohd Fakhrulrazi bin Ibrahim	Ahli Jawatankuasa (Ibu Bapa)	018-3207226	fakhrulz@um.edu.my
10.	Tuan Haji Nordin bin Suboh	Ahli Jawatankuasa (Ibu Bapa)	016-2067525	nordin.suboh@gmail.com
11.	Encik Gunasegaran A/L Vadivelu	Ahli Jawatankuasa (Ibu Bapa)	019-8195906	gunasegaransvadivelu@gmail.com
12.	YBhg. Datin Lili Suriani binti Abd Ghani	Ahli Jawatankuasa (Guru)	013-6695865	lilisuriani1968@gmail.com
13.	Encik Muhammad Naquuddin bin Abdul Raof	Ahli Jawatankuasa (Guru)	017-3464725	wakpamanuncle08@gmail.com
14.	Puan Kamalia Hida binti Zenon	Ahli Jawatankuasa (Guru)	019-9245642	z.kamaliahida@gmail.com
15.	Encik Taufik Hidayat bin Afridel	Ahli Jawatankuasa (Guru)	017-2432311	taufik.9393sks@gmail.com
16.	Puan Rohana binti Ishak	Ahli Jawatankuasa (Guru)	014-7218912	anisiris139@gmail.com
17.	Encik Nik Jailani bin Nik Jid	Juruaudit Dalaman I (Ibu Bapa)	012-3367810	nikjailaninikjid@gmail.com
18.	Puan Adidal binti Zahari	Juruaudit Dalaman II (Guru)	012-6780650	batrisyadda3@gmail.com

**MAKLUM BALAS MESYUARAT AGUNG PIBG SMK TIARA PERMAI KALI KE-3 2021**

<b>BIL.</b>	<b>MINIT</b>	<b>PERKARA BERBANGKIT</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>MAKLUM BALAS/STATUS</b>
1.	2.14	YBrs. Penasihat memaklumkan bahawa cadangan daripada ibu bapa berkenaan pertukaran pakaian seragam Pengawas Sekolah adalah di bawah pertimbangan pihak sekolah. YBrs. Penasihat akan memastikan pakaian seragam ini tidak akan membebankan keluarga murid yang berkenaan.	GPK HEM	Cadangan pertukaran uniform pengawas sekolah sedang dalam perbincangan pihak sekolah. Bagi tahun 2021, pihak sekolah perlu mengambil kira kebaikan pengawas lama dengan uniform yang sedia ada dan uniform bagi pengawas yang baharu dilantik dengan mengambil kira kemampuan murid. Uniform yang seragam akan dipakai pada tahun 2022, kemungkinan besar uniform standard di kebanyakan sekolah iaitu baju biru dan berseluar/ berkain 'blue blank' serta berkasut kulit. Blazer kelabu digalakkan untuk dipakai.
2.	7.4	Bagi usul yang pertama, Encik Mohamad Zahid bin Ahmad Amir telah merujuk surat PIBG SMKTP 100-7/1/17 berkaitan penangguhan kutipan sumbangan bagi tahun 2020 dan beliau telah mengusulkan agar ibu bapa/penjaga yang telah menjelaskan kutipan sumbangan PIBG bagi tahun 2020 tidak perlu membayar kutipan sumbangan PIBG bagi tahun 2021. Bagi usul yang pertama ini, semua ahli mesyuarat bersetuju sebulat suara bersetuju dengan usul ini.	Setiausaha dan Bendahari	Surat akan dikeluarkan oleh Setiausaha selepas Mesyuarat AJK PIBG Bil.1/2021 dan selepas mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri.
3.	7.5	Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran bagi pihak sekolah mengusulkan agar kutipan sumbangan PIBG bagi murid Tingkatan 5 tahun 2020 dikekalkan. Ibu bapa yang belum menjelaskan perlu menyelesaikan kutipan sumbangan ini sebelum keputusan SPM 2020 diumumkan. Semua ahli mesyuarat bersetuju sebulat suara bersetuju dengan usul ini.	Setiausaha, Bendahari dan Guru Kelas Tingkatan 5 tahun 2020	Kutipan baki sumbangan ini akan diuruskan pada hari pengambilan keputusan SPM 2020.

BIL.	MINIT	PERKARA BERBANGKIT	TINDAKAN	MAKLUM BALAS/STATUS
4.	7.8	Mesyuarat sebulat suara menerima dan bersetuju dengan usul kutipan sumbangan PIBG bagi tahun 2021 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.	Setiausaha dan Bendahari	Surat Kelulusan Kutipan Sumbangan PIBG akan dikeluarkan oleh Setiausaha selepas Mesyuarat AJK PIBG Bil.1/2021 dan selepas mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri.
5.	7.9	Puan Norhasiah binti Ibrahim, Penyelaras Program Kecemerlangan SPM memaklumkan bahawa semua murid Tingkatan 5 tahun 2020 dikenakan kutipan sumbangan sebanyak RM160.00 bagi menampung program kecemerlangan yang dirancang oleh pihak sekolah. Memandangkan terdapat program kecemerlangan yang tidak dapat dilaksanakan, kos keseluruhan yang digunakan dalam program kecemerlangan ini ialah RM 1,787.66. Penyelaras Program Kecemerlangan SPM bagi pihak sekolah mengusulkan agar lebihan sebanyak RM82.30 dikembalikan kepada ibu bapa yang berkenaan. Ibu bapa yang belum menjelaskan perlu menyelesaikan sebelum keputusan SPM 2020 diumumkan.	Setiausaha, Bendahari, Penyelaras Program Kecemerlangan SPM dan Guru Kelas Tingkatan 5 tahun 2020	Surat pemberitahuan lebihan bayaran kecemerlangan dan jumlah yang perlu dibayar bagi murid yang belum bayar akan di keluarkan sebelum keputusan SPM 2020 keluar. Wang akan dikutip kemudian diserahkan kepada calon SPM 2020 melalui guru kelas semasa penyerahan keputusan SPM 2020 nanti.
5.	7.10	Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak sekolah telah menggalakkan murid lelaki kelas Aliran Agama (KAA) berbaju Melayu setiap hari Jumaat. Memandangkan baju Melayu merupakan pakaian kebangsaan dan bagi menanamkan perasaan bangga dengan baju kebangsaan serta meningkatkan jati diri. Puan Noorra binti Haji Mohd Noor GPK Hal Ehwal Murid bagi pihak sekolah mengusulkan agar semua murid lelaki beragama Islam berbaju Melayu berwarna putih lengkap dengan sampin sekolah pada setiap hari Jumaat mulai tahun 2022. Pihak sekolah juga telah	GPK HEM	PKHEM memaklumkan bahawa pemakaian baju Melayu kepada semua murid lelaki Islam akan bermula pada tahun 2022 dan akan dipakai pada hari Jumaat. Baju Melayu yang ditetapkan ialah berwarna putih dan boleh membelinya di pasaran luar. Pihak sekolah cuma mewajibkan pembelian sampin melalui koperasi sekolah supaya pemakaian menjadi seragam kepada semua murid yang berbaju Melayu. Harga sampin akan dimasukkan ke dalam senarai pembelian nanti.

BIL.	MINIT	PERKARA BERBANGKIT	TINDAKAN	MAKLUM BALAS/STATUS
		mengenal pasti samping yang sesuai untuk dijadikan identiti sekolah. Jualan sampin ini akan dilaksanakan tahun depan dan akan dimasukkan dalam senarai peralatan yang perlu dibeli oleh murid. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dan menerima usul ini.		
6.	8.2	Yang Dipertua PIBG merakamkan ucapan terima kasih kepada YBrs. Penasihat, Naib Yang Di Pertua dan semua Ahli Jawatankuasa PIBG atas perkhidmatan dan sokongan kepada sekolah. Sebagai penghargaan, pihak sekolah akan memberikan sijil penghargaan serta surat pengesahan Jawatankuasa PIBG kepada semua Ahli Jawatankuasa PIBG 2019/2020 di majlis yang akan diadakan dalam masa terdekat.	Cik Nurfarah Fathiah binti Ahmad Fauzi	Sijil penghargaan dan hadiah akan diberikan kepada Ahli Jawatankuasa PIBG 2019/2020 pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
7.	9.9	Yang Dipertua PIBG juga mengumumkan bahawa mesyuarat pertama Ahli Jawatankuasa PIBG akan berlaku selepas Hari Raya Aidilfitri. Yang Dipertua PIBG memohon agar Setiausaha PIBG menguruskan jadual mesyuarat AJK PIBG sesi 2021/2022 serta mendapatkan maklumat berkaitan daripada semua AJK PIBG yang baharu.	Setiausaha PIBG	Mesyuarat akan dilaksanakan pada 29 Mei 2021 dan semua AJK PIBG telah memberikan maklumat yang diperlukan.

Disediakan oleh :

**AMIRA EVA SHERIN BINTI ROSLAN**

Setiausaha  
PIBG SMKTP